



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS KOS BAHAN BINAAN NOVEMBER 2025

Indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 3.2 peratus pada November 2025

PUTRAJAYA, 10 Disember 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, NOVEMBER 2025**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan bahawa indeks harga seunit besi menunjukkan penurunan pada November 2025, iaitu antara negatif 0.1 peratus sehingga negatif 3.2 peratus berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi indeks harga bahan ini telah direkodkan di Miri (-3.2%) diikuti dengan Kota Kinabalu (-3.1%), Pahang (-0.8%).

Ketua Perangkawan Malaysia juga menyatakan bahawa indeks harga keratan keluli & logam turut mencatatkan penurunan kecil pada November 2025, dengan perubahan bulan ke bulan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 3.0 peratus di semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Indeks harga seunit simen kekal tidak berubah bagi semua kawasan pada November 2025 kecuali peningkatan kecil dalam indeks di Pahang (2.6%), Perak (1.9%) dan Kuching (0.9%). Selain daripada itu, indeks harga seunit pasir juga kekal tidak berubah bagi hampir semua kawasan kecuali peningkatan dalam indeks di Pulau Pinang, Kedah & Perlis (1.4%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh November 2024 dan November 2025 menunjukkan indeks harga seunit besi merekodkan penurunan antara negatif 2.7 peratus hingga negatif 7.9 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit bahan ini telah dicatatkan di Kota Kinabalu (-7.9%) dan diikuti dengan Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Sibu (masing-masing -7.5%).

Selain daripada itu, perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit simen pula telah mencatatkan peningkatan antara 0.5 peratus hingga 4.5 peratus pada November 2025 berbanding bulan yang sama tahun lalu, bagi seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks ini dicatatkan di Pahang (4.5%), diikuti dengan Tawau (3.9%) dan Sandakan (3.5%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan penurunan 0.9 peratus, dengan purata harga RM3,509.60 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Oktober 2025: RM3,540.70 per tan metrik). Tambahan daripada itu, purata harga bagi simen *Ordinary Portland* pula telah mencatatkan peningkatan kecil (1.4%) dengan purata harga RM24.35 per 50 kg sekarung berbanding Oktober 2025 (RM24.00 per 50 kg sekarung).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia mencatatkan peningkatan kecil antara 0.1 peratus hingga 0.4 peratus pada bulan November 2025 berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan ini dicatatkan bagi semua kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia.


Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai **jam 1200, Rabu, 10 Disember 2025**

Sementara itu, IKB termasuk bar keluli di Sabah pula menunjukkan penurunan antara negatif 0.2 peratus hingga negatif 1.5 peratus bagi semua kategori bangunan dan kawasan pada November 2025 berbanding bulan sebelumnya. Pada tempoh yang sama, IKB termasuk bar keluli di Sarawak juga merekodkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 1.8 peratus bagi semua kategori bangunan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, November 2023 – November 2025



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, November 2023 – November 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 DISEMBER 2025**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

BUILDING COST INDEX, MALAYSIA NOVEMBER 2025

The unit price index of steel recorded a decrease between negative 0.1 per cent to negative 3.2 per cent in November 2025

PUTRAJAYA, December 10, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published ***SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, NOVEMBER 2025***. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the unit price index of steel recorded a decrease in November 2025, ranging from negative 0.1 per cent to negative 3.2 per cent as compared to the previous month. The highest decrease was observed in Miri (-3.2%), followed by Kota Kinabalu (-3.1%) and Pahang (-0.8%).

The Chief Statistician of Malaysia also informed that the unit price index of steel & metal sections showed a slight decrease in November 2025, with month-on-month change ranging from negative 0.1 per cent to negative 3.0 per cent in all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The unit price index of cement remained unchanged in all areas except a slight increase in the index for Pahang (2.6%), Perak (1.9%) and Kuching (-0.9%). Apart from that, the unit price index of sand also remained unchanged in all areas except an increase in the index for Pulau Pinang, Kedah & Perlis (1.4%).

An annual comparison for the period of November 2024 and November 2025 has indicated that the unit price index for steel recorded a decline ranging from negative 2.7 per cent to negative 7.9 per cent involving most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest decrease in the unit price index for steel was observed in Kota Kinabalu (-7.9%) and followed by Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Sibu (-7.5%), respectively.

Nevertheless, the year-on-year comparison of the unit price index of cement increased between 0.5 per cent to 4.5 per cent in November 2025 as compared to the same month last year across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was observed in Pahang (4.5%) followed by Tawau (3.9%), and Sandakan (3.5%).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars, recorded a slight decrease of 0.9 per cent with an average price of RM3,509.60 per metric tonne as compared to the previous month (October 2025: RM3,540.70 per metric tonne). In addition, the average price of Ordinary Portland cement showed a slight increase (1.4%) with an average price of RM24.35 per 50 kg bag, as compared to October 2025 (RM24.00 per 50 kg bag).

A monthly comparison of BCI with steel bars for all building categories in Peninsular Malaysia recorded a slight increase ranging from 0.1 per cent to 0.4 per cent in November 2025 as compared to the previous month. The increase for BCI with steel was recorded for all building categories and areas in Peninsular Malaysia.


Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, December 10, 2025**

Apart from that, BCI with steel bars in Sabah recorded a decrease between negative 0.2 per cent and negative 1.5 per cent for all building categories in November 2025 as compared to the previous month. During the same period, BCI with steel bars in Sarawak also registered a slight decrease ranging from negative 0.1 per cent to negative 1.8 per cent for all categories of building.


Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia,
November 2023 – November 2025**



**Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia,
November 2023 – November 2025**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 DECEMBER 2025**